

Tugas bersama kekang jenayah seksual kanak-kanak

Kuala Lumpur: Masyarakat tidak seharusnya bersikap lepas tangan dan meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada kerajaan untuk mengekang jenayah seksual kanak-kanak.

Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM), Tan Sri Razali Ismail, berkata peranan kerajaan dan usaha memberikan kesedaran serta menggubal undang-undang bagi membawa pelaku jenayah ke muka pengadilan tidak sepatutnya terhenti di situ tanpa penyertaan masyarakat.

Katanya, mana-mana pihak tidak boleh menafikan atau menyembunyikan realiti bahawa kes jenayah seksual kanak-kanak sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat.

“Bagaimanapun, ada masyarakat meniadakan wujudnya perilaku jenayah seksual kanak-kanak berikutan rasa bimbang atau malu.

Peranan kerajaan gubal undang-undang

“Jenayah ini akan dapat diatasi menerusi peranan kerajaan melalui penggubalan undang-undang dan masyarakat juga mesti bertanggungjawab dengan tidak memberikan sebarang toleransi terhadap jenayah sebegini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi Kolokium Kehakiman Mengenai Perkongsian Amalan Baik Berkenaan Undang-Undang Antarabangsa Hak Asasi Manusia bertajuk ‘Prinsip Undang-Undang dan Hak Asasi: Cabaran dan Peluang’, di sini, semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Najib Razak, mengumumkan kerajaan akan membentangkan rang undang-undang baharu bagi menangani kesalahan jenayah seksual kanak-kanak pada sesi Persidangan Dewan Rakyat kali ini.

Perdana Menteri berkata, Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 adalah selaras hasrat kerajaan untuk menyertai Konvensyen Mengenai Jenayah Siber yang menetapkan pornografi kanak-kanak sebagai satu kesalahan.



Jenayah ini akan dapat diatasi menerusi peranan kerajaan melalui penggubalan undang-undang dan masyarakat juga mesti bertanggungjawab dengan tidak memberikan sebarang toleransi terhadap jenayah sebegini”

Razali Ismail,
Pengerusi SUHAKAM